

**[ISSUES AND PROBLEMS IN HIGHER ORDER THINKING SKILLS (HOTS)  
OF TEACHING PRACTICES FROM IBN KHALDUN'S PERSPECTIVE]**

**ISU DAN PERMASALAHAN (PdP) KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS  
TINGGI (KBAT) DALAM AMALAN PENGAJARAN GURU  
MENURUT PANDANGAN IBN KHALDUN**

<sup>1</sup>MOHD SYAUBARI OTHMAN \*

<sup>1</sup> Pejabat Pendidikan Daerah Manjung,  
Lorong Desa Selamat 1, Taman Selamat,  
32000 Sitiawan,  
Perak Darul Ridzuan, MALAYSIA

\*Corresponding author: [syaubari@gmail.com](mailto:syaubari@gmail.com)

Received Date: 30 March 2020 • Accepted Date: 22 April 2020

**Abstract**

*Higher order thinking skills (HOTS) is an important agenda in the education system in Malaysia today in line with the Malaysian Education Development Plan (2013-2025). Practices that integrate HOTS implementation has been across the entire subject with by sourced from levels of Bloom's Taxonomy, Anderson and Krathwohl. However, for Islamic Studies which is based on the Qur'an and Sunnah, implementation HOTS elements need to be translated through Islamic education philosophy of education that puts perfection in mind the major thrust in promoting this culture of thinking skills. The emergence of figures such as Ibn Khaldun's talk about the overall education of the mind based on the concept of God has established in the perspective of understanding diversity in this HOTS. Therefore, this study used the analysis process for analyzing the literature by examining the contents of which have in common synonym or fell within the purpose of the performance-based element of teaching higher-order thinking (HOTS). The findings resulted in four major elements in need is an integrated HOTS namely through aql tamyizi, aql tajribi, aql nazori dan hakikat insaniyah translated through the implementation process based on the concept, integration and impact. Overall, the implementation of the PdP Islamic education should emphasize integrating HOTS guidelines have been established by Ibn Khaldun to ensure value appreciation and practice by the student meets the requirements established by the reference-based Islamic Educational Philosophy.*

**Keywords:** *Thought of Ibn Khaldun, Higher Order Thinking Skills (HOTS), Islamic Education.*

**Abstrak**

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan suatu agenda penting di dalam sistem pendidikan di Malaysia masa kini selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Amalan pelaksanaan yang mengintegrasikan KBAT ini telah merentasi keseluruhan mata pelajaran bersumberkan kepada aras Taksonomi Bloom ubahan Anderson dan Krathwohl. Namun begitu, bagi mata pelajaran Pendidikan Islam yang berteraskan

kepada Al-Quran dan As-Sunnah, pelaksanaan elemen KBAT perlu diterjemahkan melalui Falsafah Pendidikan Islam yang meletakkan kesempurnaan pendidikan akal sebagai teras utama di dalam memacu pembudayaan kemahiran berfikir ini. Kemunculan tokoh-tokoh seperti Ibn Khaldun yang membicarakan secara menyeluruh pendidikan akal berteraskan konsep ketuhanan telah mengwujudkan kepelbagaian di dalam perspektif kefahaman KBAT ini. Untuk itu, kajian ini menggunakan proses penganalisan secara analisis kepustakaan dengan meneliti isi kandungan yang mempunyai kesamaan sinonim atau terangkum di dalam maksud pelaksanaan pengajaran guru berteraskan elemen pemikiran aras tinggi (KBAT). Dapatan kajian menghasilkan empat elemen utama di dalam keperluan untuk menginterasikan KBAT iaitu menerusi aql tamyizi, aql tajribi, aql nazoni dan hakikat insaniyah yang diterjemahkan melalui proses pelaksanaan berasaskan konsep, integrasi dan kesan. Secara keseluruhannya, pelaksanaan PdP pendidikan Islam yang mengintergrasikan KBAT seharusnya menitikberatkan panduan yang telah dibentuk oleh Ibn Khaldun bagi memastikan nilai-nilai penghayatan dan pengamalan oleh pelajar menepati kehendak yang ditetapkan berasaskan acuan Falsafah Pendidikan Islam.

**Kata Kunci:** Pemikiran Ibn Khaldun, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), Pendidikan Islam

**Cite as:** Mohd Syaubari Othman. 2020. Isu dan permasalahan (PdP) kemahiran berfikir aras tinggi (kbat) dalam amalan pengajaran guru menurut pandangan Ibn Khaldun. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 4(1): 94-106.

## PENGENALAN

Pelaksanaan KBAT di Malaysia telah mengalami beberapa transformasi dengan dimulakan dengan penerapan kemahiran berfikir (KB) sekitar tahun permulaan pengenalan KBSR dan KBSM. Dasar ini diteruskan dengan pelaksanaan kemahiran berfikir kritis dan kreatif (KBKK) sekitar tahun 1994. Namun, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini mula dikenali dan diberi penekanan selepas kajian yang dijalankan oleh Rajendran pada tahun 1998 yang melibatkan kajian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dengan berfokus kepada Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (Nor Azza, 2014).

Pada 06 September 2013, sistem pendidikan di Malaysia sekali lagi mencapai penambahbaikan apabila Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) dilancarkan oleh Menteri Pendidikan. Ianya telah menekankan 11 Anjakan yang terkandung di dalam (PPPM) dan menggariskan beberapa perkara bagi meningkatkan kualiti pendidikan antarabangsa. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) atau *Higher Order Thinking Skills (HOTS)* adalah perkara yang diberi penekanan utama atau sebagai inisiatif utama yang perlu dijalankan oleh beberapa bahagian utama di Kementerian Pendidikan Malaysia. (Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2015) (KPM, 2014).

Proses pelaksanaan KBAT ini adalah berorientasikan kepada kerangka yang dibangunkan oleh sarjana barat seperti Bloom, Anderson dan Krathwol, idea-idea yang dibina berkonsep teras pemikiran yang bermatlamat elemen keduniaan semata-mata dan tidak menghubungkan elemen keterikatan dengan Allah swt. Untuk itu, pendekatan dan panduan yang dibawa oleh Ibn Khaldun mengenai tahap pemeringkatan akal adalah alternatif yang boleh digunakan di dalam membentuk keupayaan berfikir seseorang pelajar. Maka menerusi kajian, pengkaji membincangkan mengenai isu dan permasalahan di dalam pelaksanaan KBAT menerusi pendekatan yang digunakan oleh Ibn Khaldun.

## **KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI DALAM PENDIDIKAN ISLAM**

Perkembangan pendidikan Islam telah mengalami perubahan dari aspek kaedah pendekatan pengajarannya agar selari dengan proses transformasi tamadun. Permulaan proses pengajaran guru yang diterapkan daripada pendekatan yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W menunjukkan dapatan dengan kejayaan di dalam melahirkan dan membentuk generasi yang mempunyai kemahiran insaniah yang hebat. Ini di dasarkan Rasulullah S.A.W merupakan insan yang di sandarkan sebagai contoh pendidik yang mempunyai kekuatan akal, ketajaman perasaan, ketepatan firasat, pengurusan fikiran yang benar, jelas dan bersistematik (Abdul Fatah, 2011).

Maka di dalam konteks perhubungan ilmu ini, kesepaduan di antara ilmu dan pemikiran di dalam Islam membentuk ikatan yang kukuh. Bersandarkan penelitian terhadap ayat-ayat Al-Quran sebanyak 750 kali perkataan yang mempunyai kata teras (ilmu) berkaitan dengan akal. Manakala kata dasar akal sendiri disebut di dalam al-Quran sebanyak 49 kali (Mohd Farid, 2013). Ini jelas membuktikan bahawa kemahiran berfikir adalah salah satu aspek yang penting di dalam kerangka pendidikan Islam berasaskan intipati yang telah disediakan sumber-sumber muktabar seperti al-Quran dan Hadis (Zainorah, 2016).

Untuk merealisasikan pembudayaan kemahiran berfikir ini di kalangan pelajar khususnya bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, beberapa pembentangan kertas kerja dan seminar bermula tahun 2013 seperti Seminar “*Pemeriksaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam*” dan *Persidangan Perkembangan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Peringkat Kebangsaan*. Keseluruhan seminar dan persidangan ini berfokus kepada bagaimana pelaksanaan pengajaran yang mengintegrasikan kemahiran berfikir, kemahiran berfikir kritis dan kreatif dan KBAT di dalam PdP (Halim, 2013; Normah, 2013; Nor Azza, 2014). Keterlibatan ini juga melibatkan mata pelajaran Pendidikan Islam yang turut menjadi fokus ke arah pengaplikasian kemahiran berfikir dan kemahiran berfikir kritis dan kreatif dan KBAT di dalam proses PdP yang dilaksanakan

## **ISU DAN PERMASALAHAN PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DI DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA**

Keperluan untuk merealisasikan matlamat PPPM adalah bermula dari kesediaan guru Pendidikan Islam sebagai penjana matlamat Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2012). Di antara tugas penting guru Pendidikan Islam ialah membangunkan pemikiran (Shamsul Shah, 2012) kerana ia penting untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang terdapat di dalam kehidupan (Zakaria, 2011; Zuraidah, 2012).

Justeru itu, pengajaran guru Pendidikan Islam seharusnya memberi penekanan kepada usaha untuk mempertingkatkan keupayaan kesediaan guru dari aspek pembangunan intelek bagi memahami, memerhati, mengkaji dan menyelesaikan masalah (Noraini, 2015). Bagi faktor kesediaan adalah usaha untuk memperkembangkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang merupakan suatu elemen penting dan perlu ada pada seorang guru (Rajendran, 2001; Normah, 2013). Ketiadaan faktor kesediaan di kalangan guru dilihat mampu menyebabkan pengaplikasian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) tidak dapat dilaksanakan semasa proses

pengajaran walaupun guru tersebut mempunyai kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan KBAT ini (Fathiyah, 2010; Ghazali, 2010).

Kenyataan ini bersandarkan beberapa kajian yang menunjukkan situasi guru Pendidikan Islam tidak bersedia untuk mengaplikasikan KBAT ini di dalam pengajaran yang dilaksanakan bersumberkan daripada faktor kurangnya pendedahan berkaitannya ketika berada di institut perguruan atau di universiti (Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar, Nur Hanani Hussin; 2014). Selain itu, faktor yang mendorong ketidaksediaan ini adalah berasaskan kepada kekurangan pengetahuan mengenai bagaimana elemen KBAT ini dapat diaplikasikan di dalam PdP.

Rantai dari kekurangan pengetahuan dan ketidaksediaan ini menyebabkan pengajaran guru didapati kurang menggarap, menghayati dan mengamalkan konsep kemahiran berfikir untuk disampaikan kepada pelajar (Halim, 2013). Seharusnya seorang guru perlu mempunyai penghayatan, keupayaan untuk mengamalkan dan kemampuan mengaplikasikan dengan setiap ilmu yang diketahuinya terutamanya menerusi konteks PdP (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri; 2012).

Di samping permasalahan tahap persediaan dan pengetahuan, kekangan di dalam pengaplikasian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini juga di sebabkan kaedah pengajaran yang berasaskan standard pengajaran secara tradisional. Ini berdasarkan hasil beberapa dapatan kajian seperti kajian oleh (Tajul Ariffin, 2010) yang menyatakan isu kekangan penghayatan dan pengamalan, adalah disebabkan peruntukan masa yang terhad dan guru dibebani dengan kepelbagaian tugas lain sehinggakan guru kekurangan masa untuk menghayati dan memahami fakta-fakta penting yang terdapat di dalam setiap isi kandungan tajuk pendidikan Islam. Dapatan ini disokong berdasarkan kajian oleh (Noraini, 2015) yang menyatakan situasi masa yang terhad dan isi kandungan yang padat ini adalah disebabkan mata pelajaran pendidikan Islam sinonim dengan keperluan untuk menghabiskan sukatan pelajaran untuk peperiksaan (Ahmad Munawar, 2009; Fathiyah, 2010). Selain itu, amalan pengajaran guru Pendidikan Islam yang hanya menumpukan kepada aktiviti rutin dan kurang menjana kepelbagaian aktiviti yang telah menjurus kepada keterbatasan masa untuk melaksanakan kemahiran berfikir di kalangan pelajar (Tajul Ariffin, 2010).

Menerusi konteks pengendalian pengajaran Pendidikan Islam, guru pendidikan Islam masih didapati cenderung untuk menggunakan kaedah kuliah (Ahmad Munawar, 2009) dan hanya bersifat amali sahaja, tanpa penekanan terhadap aspek kognitif, afektif, psikomotor dan pemikiran rasional yang berasaskan ilmu saintifik moden (Ghazali, 2010; Nor Azza, 2013). Kelemahan guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) ini di dalam pengajaran dan pembelajaran ini juga dinyatakan oleh (Mohd Aderi, 2014) yang mendapati bahawa guru Pendidikan Islam masih lagi berada pada tahap yang sederhana dari segi penggunaan kaedah inkuiri di dalam bilik darjah. Hakikatnya terdapat beberapa kaedah inkuiri yang bersesuaian dengan isi kandungan Pendidikan Islam seperti inkuiri terbuka, inkuiri terbimbing dan inkuiri berstruktur (Mohd Aderi, 2014; Noraini, 2015).

Selain itu, penggunaan kaedah yang hanya berfokus kepada proses pengumpulan maklumat dan hafalan semata-mata. Sedangkan usaha meningkatkan daya berfikir, analisis, sintesis, kreatif dan pemikiran tinggi kurang diberikan perhatian malah mungkin diabaikan (). Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa Pendidikan Islam hanya tertumpu kepada kaedah menghafal adalah suatu pandangan yang salah (Noor Hisham, 2012). Buktinya, terdapat banyak terminologi *ulul albab* iaitu manusia yang berfikir disebut di dalam Al-Quran. Konsep

*ya`qilun* iaitu berfikir, *yatafakkarun* iaitu berfikir secara mendalam serta konsep *yatadabbarun* yang membawa maksud berfikir untuk menemukan kebenaran tentang Pencipta disebut secara berulang-ulang dalam Al-Quran (Mohd Farid, 2013). Konsep-konsep ini menyamai dengan konsep berfikir yang terkandung dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Anderson & Krathwohl, 2001).

Guru Pendidikan Islam juga turut dilihat kurang memanfaatkan BBM di dalam pengajaran (Zarin Ismail et al, 2006; Shamsul, 2011) dan hanya memilih untuk menggunakan buku teks sahaja (Mohd Aderi, 2014). Umumnya, penggunaan BBM oleh guru menampakkan bahawa keperluan pendedahan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) kepada para guru masih belum mencukupi dan perlu ditambahbaik. Untuk itu, guru Pendidikan Islam seharusnya mengambil saranan yang diutarakan oleh (Zarin et al, 2006; Zakaria, 2012) iaitu guru pendidikan Islam perlu memberi tumpuan sepenuhnya kepada amalan P&P yang lebih berfokus kepada pelajar tanpa rasa ragu-ragu dalam menyampaikan ilmu di dalam Pendidikan Islam. Selain itu, guru pendidikan Islam juga perlu menambah baik cara pengajaran yang tradisional kepada kepelbagaian kaedah agar Pendidikan Islam dapat berkembang selari dengan mata pelajaran lain dan perkembangan terkini yang berfokus kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Namun begitu, terdapat peningkatan dari aspek penguasaan terhadap isi kandungan Pendidikan Islam berdasarkan dapatan kajian oleh kementerian (KPM, 2011). Seharusnya penguasaan isi kandungan menerusi pengajaran Pendidikan Islam ini sepatutnya telah diterapkan dengan pembelajaran aktif menerusi penglibatan para pelajar di dalam tugas-tugas yang memerlukan pemikiran aras tinggi seperti analisis, sintesis dan penilaian berasaskan pengintegrasian amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) namun keadaan ini tidak berlaku secara sepenuhnya. Menurut falsafah pendidikan Islam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) seharusnya mengaplikasikan elemen kemahiran berfikir dan strategi berfikir menerusi penggunaan kaedah PdP yang terancang dan berkesan agar ianya dapat mengembangkan minda seterusnya menterjemahkan di dalam amalan seharian (KPM, 2014).

Selain permasalahan di kalangan guru pendidikan Islam di dalam mengintegrasikan kemahiran berfikir di dalam PdP, permasalahan ini juga berlaku kepada mata pelajaran lain seperti dapatan daripada beberapa kajian. Di antara punca permasalahan adalah disebabkan kelemahan faktor perancangan di dalam pengajaran menyebabkan kegagalan untuk membantu guru membuat keputusan tentang keperluan pelajar (Nor Hisham, 2011). Kelemahan di dalam persediaan juga akan memberi kesan kepada perancangan sebagaimana yang dibuktikan melalui kajian oleh (Halim, 2013; Normah, 2013) terhadap persediaan guru untuk menerapkan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK). Seterusnya menyebabkan guru tidak dapat mengambil pertimbangan dari kepelbagaian pelajar, aktiviti yang sesuai dengan kebolehan pelajar dan gaya pembelajaran di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Sharifah, 2012).

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh (Rajendran, 2001) berkaitan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di dalam pengajaran bahasa Melayu juga menunjukkan hanya 10% guru sahaja yang melaksanakannya. Ini disebabkan masih terdapat guru yang masih lagi menekan pendekatan tradisional seperti bersyarah untuk memberi maklumat dan berpusatkan kepada guru (Zamri Mahamod & Nor Razah Lim, 2011). Selain itu, kaedah yang berfokuskan penumpuan kepada format soalan peperiksaan awam di Malaysia sehingga

kaedaan ini meminggirkan keperluan untuk pelajar mengaplikasi ilmu yang diperolehi di dalam konteks yang sebenar (Zabani, 2012).

Selain itu, kajian juga mendapati guru kurang melaksanakan unsur-unsur kemahiran berfikir KBAT menerusi aktiviti-aktiviti soal jawab (Noraini, 2015), penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dan aktiviti-aktiviti PdP (Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Humaizah Hashim, 2016). Permasalahan dan kelemahan ini bukanlah satu isu yang harus di pandang kecil, ianya menggambarkan tahap mutu pendidikan di Malaysia berbanding negara-negara maju yang lain.

Bersandarkan dapatan kajian, tahap pengetahuan guru tentang KBKK juga berada pada tahap umum bukannya secara terperinci berdasarkan kajian yang dilakukan oleh (Tajul Arifin, 2010; Sharifah Nor Puteh, 2012). Ini bertentangan dengan dasar pelaksanaan Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) yang telah diperkenalkan sejak tahun 1994 di dalam sistem pendidikan dan diterapkan di dalam keseluruhan sistem pendidikan di Malaysia (Nor Azza, 2014). Dasar ini menghendaki guru bukan sahaja mengetahui sesuatu isi kandungan tetapi pedagogi bagaimana ianya diinterpretasikan dalam bentuk yang bersesuaian dengan kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, kepelbagaian permasalahan yang merangkumi aspek pengetahuan, amalan, kemampuan mengaplikasi, strategi penerapan, persekitaran, kepimpinan sekolah dan sebagainya merupakan di antara isu yang memerlukan penyelesaian yang sepenuhnya bagi memastikan dasar KBAT ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan bertepatan. Untuk itu, kajian ini akan meneroka bagaimana penyelesaian kepada permasalahan dapat di atasi dengan menggunakan konsep pendidikan dan tahap pemeringkatan akal yang diperkenalkan oleh Ibnu Khaldun.

## KONSEP KEMAHIRAN BERFIKIR MENURUT IBN KHALDUN

Islam telah meletakkan proses keilmuan berteraskan kemahiran berfikir adalah di dokong dengan menggabung jalinkan sumber *aqli* dan *naqli* iaitu sumber Rabbani yang mencakupi panduan wahyu, ilham dan sumber insani iaitu akal dan pancaindera (Al-Attas, 1978; Al-Ghazali, 1986; Al-Hadad, 2005; Hasan Langgulung, 1975; Ibn Khaldun, 2006; Syed Hussein Nasr, 1989). Menurut (al-Ghazali, 1939) kesemua ilmu yang ada pada manusia adalah daripada Allah s.w.t dan bukannya bersumberkan daripada manusia itu sendiri. Tugas manusia hanyalah melakukan penemuan kepada suatu ilmu yang telah wujud melalui akal manusia yang boleh membezakan antara yang hak dan juga yang palsu.

Seharusnya penerapan ilmu atau metodologi pengajaran dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, tumpuan perlu dilihat kepada tokoh-tokoh ilmuwan Islam telah membincangkan tentang pendidikan akal atau tentang pemikiran di dalam penulisan mereka. Antara tokoh tersebut ialah *Ibnu Khaldun* yang membincangkan hal berkaitan dengan pemikiran dalam kitabnya *Al-Muqaddimah* (Ibn Khaldun, 2006; Ibrahim, 2015). Begitu juga al-Ghazali menerusi kitab *Ihya Ulumuddin* juga membincangkan tentang pemikiran di dalam penulisannya (al-Ghazali, 1986). Namun berdasarkan tajuk ini, penumpuan akan difokuskan terhadap tahap pemikiran yang dipelopori oleh Ibnu Khaldun menerusi aspek kesesuaiannya dengan elemen kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

Ibn Khaldun (2006) di dalam karyanya *Al-Muqaddimah* menyatakan bahawa berfikir merupakan: “kesedaran dalam diri seseorang tentang hal yang ditanggapi, suatu yang khusus dimiliki oleh makhluk-makhluk yang hidup sahaja”. Ibn Khaldun menegaskan kepentingan ilmu pengetahuan (*makrifah*) dan sifat mengetahui (*idarah*) dapat membezakan antara manusia dengan makhluk lain yang dinamakan haiwan. Deria yang lima iaitu pendengaran, penglihatan, rasa, hidu dan sentuh akan membantu manusia untuk mencapai ilmu pengetahuan (Ghazali, 2010). Beliau jelas menyatakan bahawa akal atau pemikiran manusia adalah sumber ilmu dan ilmu yang dihasilkan melalui akal manusia bertabi’i bersifat terbatas dan terhad (Ibrahim, 2015).

Ibn Khaldun membawakan satu ayat Al-Quran yang bermaksud: “Katakanlah, “Dialah yang menciptakan kamu dan menjadikan pendengaran, penglihatan dan akal bagi kamu, tetapi sedikit sekali kamu bersyukur”.(Surah Al-Mulk: 67; 23).

Menurut Ibn Khaldun, kemampuan berfikir mempunyai beberapa tingkatannya iaitu empat peringkat (Ibrahim, 2015; Mohd Yusof, 2012). Peringkat pertama ialah pemahaman intelek manusia terhadap sesuatu yang berada di luar alam semesta, yang berupa tanggapan diri. Peringkat ini membolehkan akal melakukan perbezaan (*aql’ al-tamyiz*) yang melaluinya manusia memperoleh segala sesuatu yang bermanfaat bagi diri dan kehidupannya, serta menolak perkara-perkara yang memudaratkannya.

Rosenthal, (1980) di dalam Ibrahim (2015) menterjemahkan tahap akal ini kepada “ *the discerning intellect*” iaitu: *The ability to think has several degree. The first degrees...the discerning intellect, with the help of which man obtains the things that are useful for him and his livelihood, and repels the things that are harmful for him*”. (Rosenthal, 1980, 2: 412- 413) Untuk peringkat kedua ialah kemampuan berfikir berkemampuan menyediakan manusia dengan segala idea dan perilaku yang diperlukan di dalam perhubungan manusia dengan persekitarannya dan ianya diperolehi melalui pengalaman (*tashdiqat*) serta juga dikenali sebagai pemikiran eksperimen. Pada tahap kedua ini, Rosenthal menyatakan ia tahap “ *the experimental intellect*” dengan penjelasan: “ *The idea and the behaviour needed in dealing with his fellow men and in leading them*” (Rosenthal, 1980, 2: 412- 413).

Peringkat ketiga ialah kemampuan untuk berfikir yang memperlengkapkan manusia dengan pengetahuan (*al-ilm*) atau pengetahuan andaian (*dzann*). Ini disebut sebagai spekulatif (*al-aql an-nadzari*). Pemikiran ini juga mengandungi tanggapan (*perception*), pengamatan (*apperception*) tasawwur (*worldview*) dan tashdid. Pada peringkat ini seseorang itu mampu untuk membuat perbandingan dan penggabungan antara beberapa pengetahuan bagi menghasilkan pengetahuan baru. Pada tahap ketiga ini, Rosenthal meletakkannya sebagai “ *the speculative intellect*” dengan penjelasan: “ *provides the knowledge, or hypothetical knowledge, of an object beyond sense perception without any practical activity (going with it). This is speculative intellect. Its consists of both perceptions and apperceptions*” (Rosenthal, 1980, 2: 412- 413).

Peringkat keempat ialah peringkat untuk memberi tanggapan mengenai wujud sesuatu perkara mengikut pelbagai kepintaran, perbezaan sebab-musabab dan puncanya. Dengan kemampuan berfikir tahap ini, manusia dapat mencapai kesempurnaan dalam kebenarannya, dan menjadi insan intelek yang bersifat kebersihan jiwa atau (*al-hakikah al-insaniyyah*). Kesempurnaan bagi manusia menerusi penguasaan aras-aras pemikiran tersebut akan membawa kepada pengertian hakikat manusia melalui akal berkualiti dan jiwa yang mantap.

Penghuraian yang diberikan oleh (Ibn Khaldun, 2006; Ibrahim, 2015) terhadap tahap-tahap pemikiran mempunyai batasan yang tersendiri. *Aql'tamyiz* menunjukkan kepada kemampuan akal untuk membezakan perkara yang bermanfaat daripada perkara yang memudaratkan melalui proses mengenal pasti perbezaan dan kebenaran yang terdapat pada perkara yang dinilai. (Ibn Khaldun, 2006) membataskan *aql' tamyiz* ke atas sebahagian perkara yang berkaitan dengan kehidupan. Manakala *aql' tajribi* di aplikasikan di dalam mengenal pasti pendapat dan idea-idea yang diperoleh hasil perbincangan sesama manusia. Hasil daripada proses ini boleh dijadikan sebagai satu pengalaman.

Menerusi proses pendidikan pemikiran secara individu, (Ibn Khaldun, 2006) menekankan kepentingan ilmu dan kemahiran yang berkemampuan membina akal pemikiran seseorang individu. Beliau menyatakan bahawa penyuburan akal dan pemikiran dapat dipertingkatkan melalui gabungan kepelbagaian kemahiran dan bakat (*malakah*). Kesepaduan di antara proses kemahiran dengan bakat akan menghasilkan suatu ilmu yang dapat meningkatkan pemikiran seseorang (Ibn Khaldun, 2006) memberi contoh bagaimana gabungan kemahiran dalam rumah tangga dan pergaulan dengan masyarakat yang digabungkan dengan perkaitan tanggungjawab dalam agama akan menghasilkan ilmu dan peningkatan tahap pemikiran (Tajul Arifin, 2010; Ibrahim, 2015).

Ibn Khaldun juga membawakan satu pemikiran teori iaitu pemikiran yang menghasilkan ilmu atau pandangan berkaitan perkara yang dikaji yang melangkaui pancaindera (Muhsin, 2014). Pemikiran ini sememangnya berlaku di dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam apabila pembuktiannya tidak sempurna dan jawapannya mungkin tidak muktamad. Ia hanya menunjukkan had sebenar pemikiran manusia dan membuka peluang kepada kemungkinan sesuatu perkara yang tidak diketahui melalui pemikiran seperti perbincangan kewujudan makhluk dan tuhan. Secara jelas, tahap pemikiran yang dipelopori Ibn Khaldun dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dapat dijelaskan seperti jadual 2.1 dan Rajah 1


Jadual 1 : Perbandingan Pemikiran Ibn Khaldun dan KBAT

Aras Pemikiran Ibnu Khaldun	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
1. <i>Aqlu at- Tamyiz</i>	1 Mengaplikasi
2. <i>Aqlu at- Tajribi</i>	2. Menganalisis
3. <i>Aqlu an-Nazori</i>	3. Menilai
4. <i>Asbab wal Musabbab</i>	4. Mencipta

(Sumber : Anderson, 2001; Ibn Khaldun, 2006; KPM, 2014)



Rajah 1: Kerangka konsep Pemikiran Ibnu Khaldun mengintergrasikan KBAT.



(Sumber: Ibn Khaldun, 2006; Ibrahim, 2015).

### **BAGAIMANA KONSEP PEMIKIRAN IBN KHALDUN MENYELESAIKAN PERMASALAHAN DI DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM**

Pembentukan aliran pemikiran yang menyesuaikan dengan keadaan realiti semasa adalah tunjang kepada konsep yang dibawa oleh Ibn Khaldun. Pendekatan yang bersifat pragmatik dan berupaya untuk di aplikasikan menentukan asas penyelesaian masalah wujud dapat difahami secara keseluruhannya (Maimun, 2014; Ibrahim, 2015). Penetapan kepada 4 peringkat di dalam penentuan aras pemikiran adalah asas utama di dalam membincangkan setiap persoalan dengan penyelesaian yang bersifat tuntas dan menyeluruh. Menurut (Ibn Khaldun, 2006) keperluan untuk menyelesaikan masalah pengajaran di dokong berasaskan tiga elemen utama iaitu 1) pengetahuan yang bersifat menyeluruh dan mendalam 2) mengetahui tatacara penyelesaian yang jelas 3) kemahiran mengintergrasikan kepada konsep kepada situasi yang ditetapkan. Maka di dalam kajian ini, elemen ini disepadukan dengan aras pemikiran bagi merungkakan setiap permasalahan yang wujud semasa PdP dilaksanakan.

#### **Pengetahuan yang Bersifat Menyeluruh**

Asas pengetahuan adalah intipati utama di dalam memastikan keberkesanan sesuatu program, dasar dan modul itu. Pengetahuan yang perlu adalah melibatkan 4 perkara asas seperti yang diperincikan oleh (Anderson, 2002; KPM 2014) iaitu pengetahuan dasar, pengetahuan bersifat sokongan kepada dasar, pengetahuan bagaimana proses kepada dasar dilaksanakan dan pengetahuan apakah implikasi secara keseluruhan apabila sesuatu dasar itu dilaksanakan. Bagi menghubungkan dengan penggunaan *aql' tamyizi* adalah menerusi bagaimana pengetahuan diterapkan asas perbandingan iaitu asas utama dan asas sokongan seperti PdP yang berkesan adalah PdP yang menguatamakan keupayaan pelajar berbanding pengajaran yang hanya berfokuskan guru sahaja (Zakaria, 2011).

#### **Pengetahuan Tatacara Penyelesaian yang Jelas**


Pengetahuan yang tidak didokong dengan metodologi untuk menyelesaikan menyebabkan kaedah yang ditetapkan tidak dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Prosedur

penyelesaian adalah berpandukan penstrukturan yang tersusun bermula dengan penganalisaan, pengenalpastian, penyesuaian kaedah, penilaian dan refleksi secara menyeluruh. Keperluan untuk guru mengetahui secara terperinci ini perlu diperhubungkan dengan asas pemeringkatan akal seperti yang telah dibentuk oleh (Ibn Khaldun, 2006; Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar, Nur Hanani Hussin, 2014).

### Kemahiran Mengintergrasikan Konsep kepada Situasi yang Ditetapkan

Elemen pengaplikasian kepada situasi yang sebenar merupakan komponen yang memerlukan penelitian yang berkesan mengenai tatacara yang bertepatan. Ini kerana, pembentukan teori dengan penterjemahan dengan realiti merupakan dua perkara yang berasingan dan memerlukan perhubungan yang berkesan bagi memastikan pelaksanaan yang dilakukan memenuhi standard yang telah ditetapkan (Nor Azza, 2013; KPM, 2014). Maka berdasarkan dapatan beberapa kajian, pengintergrasian ini memerlukan beberapa elemen iaitu konsep Ibn Khaldun di dalam pengintergrasian KBAT. Pendekatan ini dapat dijelaskan berdasarkan Rajah 2 yang disediakan

Rajah 2 : Konsep Ibn Khaldun di dalam mengintergrasikan KBAT



(Sumber : Ibn Khaldun, 2009; KPM, 2014; Ibrahim, 2015)

### PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Secara keseluruhan, pelaksanaan KBAT menerusi kerangka panduan yang telah dihasilkan oleh Ibn Khaldun merupakan pendekatan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi segala isu dan permasalahan yang melingkari kemenjadian pelajar di dalam sistem pendidikan di Malaysia

pada masa kini. Oleh itu, keperluan mengadaptasi teori yang dihasilkan oleh Ibn Khaldun ini memerlukan kesungguhan yang mendalam daripada pihak kerajaan, kementerian pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO), masyarakat, ibu bapa dan murid itu sendiri. Ini di dasarkan penjelasan yang menyatakan pelaksanaan KBAT di dalam sistem pendidikan Malaysia masih berfokuskan kepada pengaplikasian kerangka teori barat yang dikemukakan oleh Benjamin Bloom dan oleh Lorin Anderson (Nor Azza, 2013; KPM, 2014). Teori ini digunakan secara meluaskan sebagai asas falsafah di dalam menentukan hala tuju pemikiran yang perlu dibentuk oleh pelajar menerusi struktur elemen mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Namun begitu, struktur pemikiran ini sekiranya di lihat secara mendalam dan menyeluruh mempunyai nilai kesamaan dengan panduan yang dibentuk oleh Ibn Khaldun. Ini membuktikan Islam telah meletakkan asas yang utama di dalam penstrukturan pemikiran mendahului asas yang dikemukakan oleh sarjana barat. Untuk itu, sekiranya pendekatan sarjana barat dan Ibn Khaldun ini dapat disepadukan dan diintegrasikan, pelaksanaan KBAT di dalam sistem pendidikan khususnya pendidikan Islam di Malaysia mampu menghasilkan natijah yang terbaik dan berkesan.

## RUJUKAN

- Abu Bakar, I (2015). *Falsafah Ibnu Khaldun: Falsafah dan klasifikasi ilmu*. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan dan Buku Negara.
- Ahmad Munawar, I. (2009). Pengaruh Akidah terhadap Penghayatan Akhlak Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia (Doctoral dissertation, Tesis Ph. D. Tidak Diterbitkan. Bangi, Selangor: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]).
- Ahmad, S. F., & Lubis, M. A. (2015). Islam Hadhari di dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia. Satu Analisis Espistemologi. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 7(1), 1-18.
- Alhasan, A. D. E. (2005). The role of islamic education in crime prevention. *The Islamic Quarterly*, 49(1), 35-63.
- al-Attas, Syed Muhammad Naqiub (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- al-Attas, Syed Muhammad Naqiub (1990). *On Quiddity and Essence*. Kuala Lumpur: Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Darusalam, G. (2010). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Cetakan ke 2, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Fathiyah Fakhrudin (2010). Penerapan elemen falsafah pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam. *Tesis Dr. Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.
- al-Ghazali, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad (1986). *al-Risalah al-Ladunniyyah*. Damsyik: Dar al-Hikmah.
- al-Ghazali, Abū Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad (1986). *Bidayah Al-Hidayah*. Damsyik: Dar al-Sabuni.
- Halim Arifin (2013). Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Pemahaman Bacaan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hamdan, A. R. (2011). *Falsafah Dan Pemikiran Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM Press.

- Hasan Langgulung (1975). *Al-Ghazali dan Ibn Thufail Vs Rosseau dan Piaget dalam Psikologi Perkembangan. Jihad* 20-25. Universiti Sains Malaysia
- Ibn Khaldun (1986). *Mukadimah Ibnu Khaldun*. terj. Ahmadie Thoha. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Ibnu Khaldun (2006). *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamian, A. R., & Ismail, H. (2016). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 49-63.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Laporan Kebangsaan: Laporan Mata Pelajaran Pendidikan Islam: Kementerian Pendidikan Malaysia
- Lorin W. Anderson & David R. Krathwohl (2001). *A Taxonomy for Learning Teaching and Assessing: A Revision of Bloom's Taxonomy of Education Objectives*. New York, Addison Wesley Longman, Inc.
- Mahamod, Z., & Lim, N. R. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 1(1), 51-65.
- Mohd Aderi Che Noh (2014). *Pendekatan inkuiri dalam pengajaran kemahiran berfikir Pendidikan Islam: satu analisis*. Persidangan Perkembangan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Peringkat Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Mohd Aderi Che Noh, Noraini Omar, Nur Hanani Hussin (2014). *Sumber Pendidikan Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Farid Mohd Shahrhan (2013). *Akidah dan pemikiran Islam: isu dan cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Mohd Yusof Othman (2012). *Isu-isu dalam ilmu dan pemikiran*. Kajang: Aras Mega (M) Sdn. Bhd
- Mustari, M. I., Jasmi, K. A., Muhammad, A., Yahya, R., Mustari, M. I., Jasmi, K. A. & Yahya, R. (2012). Model Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*, Senai, Johor Bahru
- Nagapan, R. (1998). Teaching higher order thinking skills in language classroom: the need for transformation of teaching practice. *Tesis PhD yang tidak diterbitkan*: Mochigan State University.
- Nawi, N. H. M. (2012). Islamisasi kurikulum pendidikan Islam di institusi pendidikan guru: tribulasi dan cadangan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Nor Azza Ibrahim (2013). *Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) atau Higher Order Thinking Skills (HOTS) dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia*. Kertas kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- Noraini Omar (2015). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berfokuskan kepelbagaian budaya murid: kajian kes di Negeri Sarawak. *Tesis Dr. Falsafah*. Fakulti Pendidikan. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Normah Yamin (2013). Pengajaran Kemahiran Berfikir dalam Mata pelajaran Geografi Sekolah Menengah. *Tesis Dr. Falsafah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

- Puteh, S. N., Ghazali, N. A., Tamyis, M. M., & Ali, A. (2012). Keprihatinan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 2(2), 19-23.
- Rajendran, N. (2001). *Pengajaran Kemahiran Aras Tinggi (KBAT): kesediaan guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran*. kertas kerja dibentangkan di Seminar Projek Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK): Pusat perkembangan kurikulum KPM.
- Shamsul Shah Tarjo (2012). *Pelaksanaan pendidikan Islam dan persekitaran sosial. Seminar Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Kebangsaan*. Anjuran Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan Kerjasama Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pelajaran Malaysia,.
- Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah (2011). *40 Strategi Pendidikan Rasulullah*. Kuala Lumpur. Pelima Media Sdn. Bhd.
- Suhid, A., & Fakhruddin, F. M. (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: hala tuju dan cabaran. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(4), 57-70.
- Tajul Ariffin Nordin (2010). *Pendidik Bina kebenaran Universal*. hlm 55-57; Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zabani Darus (2012). *Status pencapaian Malaysia dalam TIMSS dan PISA: satu refleksi*. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Zakaria Abdullah (2011). Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *Tesis Dr. Fal*, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarin Ismail & Ab Halim Tamuri (2006). *Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di bilik darjah: satu analisis pemerhatian*. Seminar amalan pengajaran guru Pendidikan Islam; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuraidah Othman (2012). *Tajdid ilmu dan pendidikan: Tinjauan apresiatif terhadap pemikiran Pendidikan Islam Sidek Baba*. Kertas kerja Seminar IP Islam. Anjuran Institut Perguruan Islam, Bangi.